

08 MAR 2001

Mahathir-pertemuan

PERTEMUAN UMNO-PAS UNTUK BINCANG KEPENTINGAN MELAYU, KATA DR MAHATHIR

PUTRAJAYA, 8 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menjelaskan bahawa apa yang ingin dibincang oleh Umno dalam pertemuannya dengan Pas ialah perkara-perkara yang menyentuh kepentingan Melayu seperti hak dan keistimewaan orang Melayu, kedudukan agama Islam dan bahasa kebangsaan serta status raja-raja Melayu.

Ini kerana ada usaha pihak tertentu untuk mencabar kepentingan Melayu yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan dan sepatutnya parti politik yang mewakili Melayu seperti Umno dan Pas mengetepikan perbezaan politik bagi mempertahankan peruntukan Perlembagaan, kata Perdana Menteri.

"Tujuan saya nak jumpa ialah bagi memperkatakan tentang perkara-perkara ini sahaja dan ia tak jejaskan perjuangan Pas kerana saya yakin Pas juga mahu pertahankannya," katanya pada sidang berita di Jabatan Perdana Menteri di sini.

Dr Mahathir berkata beliau sedia untuk bertemu Pas walaupun dalam satu perbincangan tidak formal asalkan pertemuan itu dapat diadakan.

Beliau juga berkata cadangan pertemuan antara Umno dan Pas itu bukan bermakna kedua-dua parti itu ingin menentang kaum-kaum lain di negara ini.

Dr Mahathir berkata beliau memanggil sidang media hari ini bagi mengelak kekeliruan yang mungkin timbul di kalangan orang ramai dan Pas sendiri kerana Umno tidak menyatakan apa yang dikehendakinya tercapai daripada pertemuan itu.

"Mungkin ini telah menimbulkan kekeliruan di kalangan orang ramai dan Pas tak tahu apakah yang dihasratkan oleh Umno. Jadi saya berpendapat lebih baik saya terangkan supaya orang ramai tak keliru tentang pendirian Umno," katanya.

Mengulas lanjut, beliau berkata pertemuan itu perlu diadakan memandangkan respons terhadap isu-isu yang dibangkitkan berhubung kepentingan Melayu berbeza antara kedua-dua parti.

"Sebagai contoh, adakalanya hak istimewa orang Melayu dicabar. Perlembagaan Persekutuan kita sudah menentukan hak istimewa ini. Bila ianya disoal, respons mereka berbeza mengikut parti walhal ancaman (yang wujud) ialah kepada orang Melayu.

"Sepatutnya orang Melayu hentikan kepentingan puak atau parti dan pertahankan kepentingan bangsa mereka. Langkah yang sama patut diambil bila ada pihak yang mencabar kedudukan agama Islam dan bahasa kebangsaan," kata Perdana Menteri.

Dr Mahathir yang juga Presiden Umno berkata sememangnya Umno akan menentang Pas dan Parti Keadilan Nasional di arena politik tapi "kita percaya mereka akan bersama Umno dalam mempertahankan peruntukan (berkaitan orang Melayu) dalam Perlembagaan".

Beliau mengulangi bahawa Umno tidak mempunyai niat untuk menyuruh Pas bergabung dengan Umno atau memintanya menganggotai Barisan Nasional.

Menjawab pertanyaan pemberita, beliau berkata cabaran terhadap kedudukan orang Melayu adalah sesuatu yang berbahaya bukan sahaja kepada orang Melayu tetapi juga kepada negara.

Menyentuh pra-syarat yang dikemukakan oleh Pas sebelum pertemuan antara beliau dan Presiden Pas Datuk Fadzil Noor boleh diadakan, Dr Mahathir berkata: "Kalau boleh jumpa, sekurang-kurangnya saya boleh buat penjelasan mengenainya."

Ditanya apakah tindakan Umno jika Pas bertegas mengenai pra-syarat itu, beliau berkata: "Saya fikir dengan penjelasan ini bahawa pertemuan Umno-Pas

ini hanya melibatkan perkara-perkara terhad sahaja, mungkin dia akan tukar pendirian. Saya fikir pertimbangan sewajarnya akan digunakan."

Pas mahu Umno memenuhi tiga syarat sebelum pertemuan antara kedua-dua parti berlangsung iaitu royalti minyak dikembalikan kepada negeri Terengganu, akhbar Pas "Harakah" dibenarkan diterbitkan dua kali seminggu dan menolak cadangan Umno supaya penggunaan perkataan "Islam" pada nama parti politik dilarang.

Dr Mahathir berkata beliau masih yakin pertemuan itu akan diadakan.

Menjawab satu lagi pertanyaan, beliau berkata sokongan terhadap Umno masih kuat walaupun ianya terhakis sedikit.

"Menjadi perkara biasa untuk mana-mana parti politik merasai pengalaman turun naik," katanya.

Mengulas tentang tindakan kerajaan Terengganu hari ini menyaman kerajaan persekutuan dan Petronas berhubung penggantian royalti minyak dengan pemberian wang ihsan, Dr Mahathir berkata tindakan itu adalah hak kerajaan negeri dan terpulanglah kepada undang-undang untuk menyelesaikannya.

Setiausaha Agung Umno Tan Sri Khalil Yaakob yang mengetuai pasukan teknikal Umno untuk pertemuan itu, berkata kepada pemberita beliau akan memaklumkan kepada pihak Pas tentang skop perbincangan yang ingin dibawa oleh Umno.

"Saya akan memberitahu mereka bahawa inilah agenda kami, inilah perkara yang kita nak bincang. Hari itu kita menyebut dalam lingkungan yang luas iaitu perpaduan Melayu. Sekarang ini PM dah perjelaskan apa yang dimaksudkan," katanya.

Ditanya bilakah jawatankuasa teknikal kedua-dua parti akan mengadakan pertemuan mereka seterusnya, beliau berkata: "Kami sedang berkomunikasi."

Jawatankuasa teknikal Umno-Pas telah berjumpa pada 8 Feb dan 16 Feb lepas.

-- BERNAMA

MAM MS MAI